

# Ribuan pengunjung meriahkan Hari Terbuka TUDM

Oleh [NIK AMIRULMUMIN NIK MIN](#) 02 Jun 2024 04:58pm Masa membaca: 4 minit



Orang ramai membanjiri Hari Terbuka sempena sambutan Hari Ulang Tahun Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Ke-66 di Pangkalan Udara Kuantan, di sini pada Ahad.

KUANTAN - Ribuan pengunjung membanjiri Hari Terbuka sempena sambutan Hari Ulang Tahun Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Ke-66 di Pangkalan Udara Kuantan, di sini pada Ahad.

Orang ramai mengambil kesempatan cuti hujung minggu dan cuti persekolahan untuk membawa keluarga menyaksikan pelbagai persembahan dan pertunjukan yang disediakan.

Difahamkan, ada pengunjung datang sejak awal pagi supaya tidak terlepas peluang selain mengelak kesesakan ekoran berlaku penutupan jalan di sekitar lokasi.



Pengunjung teruja menyaksikan aset-aset udara TUDM yang dipamerkan pada HUT TUDM Ke-66 di Pangkalan Udara Kuantan di sini pada Ahad.

Sebanyak 23 aset udara mengambil bahagian untuk pertunjukan udara dan pameran statik.

Selain itu pelbagai pertunjukan termasuk pertunjukan udara, payung terjun dan pancaragam.



Pertunjukan terjunan payung terjun antara yang dipersembahkan pada HUT TUDM Ke-66 di Pangkalan Udara Kuantan di sini pada Ahad.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut berangkat memeriahkan hari terbuka tersebut.

Pertunjukan udara dimulakan kira-kira jam 10 pagi dengan demonstrasi operasi menyelamat tebusan oleh Pasukan Khas Udara (Paskau) melibatkan penggunaan aset udara terdiri pesawat pejuang, pesawat pengangkut dan helikopter.

Manakala pertunjukan udara segmen kedua diadakan kira-kira jam 3 petang.



Antara pesawat yang mengambil bahagian dalam pertunjukan udara pada HUT TUDM Ke-66 di Pangkalan Udara Kuantan di sini pada Ahad.